188 Tinjauan Keseluruhan
188-191 Dasar dan Perkembangan
191-202 Prestasi Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi Kewangan Pembangunan



Institusi Kewangan Pembangunan

TINJAUAN KESELURUHAN

Tahun 2005 menyaksikan pencapaian penting dalam usaha memperkukuh lagi institusi kewangan pembangunan (IKP) yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002. Usaha rasionalisasi empat buah IKP telah disempurnakan pada tahun 2005, dan membawa kepada penubuhan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana (SME Bank) dan penggabungan Export-Import Bank of Malaysia Berhad dengan Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB). Sementara itu, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad telah distrukturkan semula dan diberi nama baru, iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk mencerminkan tumpuan barunya. Usaha rasionalisasi itu merupakan inisiatif penting untuk menjajarkan semula aktiviti IKP ke arah mempertingkatkan tumpuan strategik dan perniagaan mereka. Di samping itu, kemajuan juga telah dicapai dalam usaha mengukuhkan kapasiti dan keupayaan IKP, dan juga menambah baik rangka kerja berhemat yang bertujuan memperkukuh operasi IKP. Kesemua inisiatif ini telah menyumbang kepada prestasi IKP yang lebih baik dalam menjalankan peranan yang dimandatkan.

Usaha dasar bagi sektor IKP pada tahun 2005 tertumpu pada meningkatkan kapasiti dan keupayaan IKP, dan menambah baik rangka kerja berhemat untuk mengukuhkan lagi operasi IKP.

Pada tahun 2005, aktiviti pembiayaan IKP kepada sektor keutamaan dan strategik yang dikenal pasti terus kukuh. Pinjaman terkumpul IKP sebagai satu kumpulan meningkat 25.8% disokong oleh deposit yang lebih tinggi (7.3%). Nisbah pinjaman tidak berbayar dan penunjuk keuntungan juga bertambah baik. Prestasi IKP pada masa hadapan dijangka bertambah baik apabila institusi ini menambah rangkaian produk dan meningkatkan kualiti serta penyampaian produk dan perkhidmatan, di samping membuat pembaikan kepada sumber manusia, proses dan sistem dalam IKP.

DASAR DAN PERKEMBANGAN

Usaha dasar untuk sektor IKP pada tahun 2005 tertumpu pada dua bidang umum, iaitu memperkukuh kapasiti dan keupayaan IKP, dan juga menambah baik rangka kerja berhemat untuk mengukuhkan operasi IKP. Ini dilengkapi oleh pengawasan dan penyeliaan yang berterusan terhadap IKP bagi memastikan IKP terus menumpukan pada peranan yang dimandatkan kepadanya dan aktiviti IKP dikendalikan secara berhemat, efektif dan efisien.

Mengukuhkan Kapasiti dan Keupayaan IKP

- ***Penjajaran semula peranan dan fungsi***
  Usaha merasionalisasi Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (Bank Industri), Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan MECIB disempurnakan pada suku keempat tahun 2005. Rasionalisasi itu yang melibatkan perubahan struktur institusi dan fungsi kesemua IKP tersebut, bertujuan meningkatkan fokus strategiknya pada peranan yang dimandatkan kepada setiap institusi itu supaya mampu memenuhi keperluan kewangan dan bukan kewangan bagi sektor yang disasarkan dengan cara yang lebih efisien dan efektif.

  Penstrukturan semula Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri, telah membawa kepada penubuhan SME Bank. SME Bank mengambil alih entiti Bank Industri, sementara Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad pula dinamakan sebagai Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) bagi mencerminkan fokus barunya. Usaha ini melibatkan pemindahan pinjaman perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dimiliki Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad kepada SME Bank, sementara pinjaman maritim dan berkaitan teknologi yang dahulunya di bawah Bank Industri, dipindahkan kepada Bank Pembangunan. Di bawah penyusunan keinstitusian yang baru ini, SME Bank menjadi subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank Pembangunan dengan modal berbayar RM1 bilion. Pada 3 Oktober 2005, Bank Pembangunan dan SME Bank telah memulakan operasinya.

  Di samping menggalakkan pembangunan projek infrastruktur, Bank Pembangunan juga diamanatkan

untuk menggalakkan pembangunan sektor maritim dan juga industri berintensif modal dan teknologi tinggi. Dalam usaha membiayai sektor-sektor ini, Bank Pembangunan bukan hanya menyediakan pembiayaan langsung, bahkan mengatur pinjaman bersindiket serta menawarkan kemudahan penambahbaikan kredit seperti jaminan bank dan kredit pusingan tunggu sedia (standby revolving credit) untuk memudahkan lagi sektor sasaran mengakses pembiayaan.

SME Bank ialah sebuah bank pembangunan yang khusus untuk membimbing dan menggalakkan pembangunan PKS. SME Bank melengkapi sektor perbankan dalam penyediaan pembiayaan kepada PKS, terutamanya bagi PKS yang kekurangan rekod prestasi dan cagaran, dan juga syarikat baru. Di samping produk pembiayaan biasa seperti pembiayaan modal kerja dan pinjaman bertempoh, SME Bank akan membangunkan produk inovatif yang baru untuk memenuhi keperluan syarikat baru dan PKS dalam sektor pertumbuhan baru. Ini termasuk bidang perkhidmatan profesional, aktiviti berorientasikan eksport dan perniagaan francais. Satu lagi fokus penting SME Bank adalah untuk menyediakan pelbagai khidmat nasihat dan sokongan pembangunan perniagaan kepada PKS, termasuk pengurusan kewangan, diagnosis perniagaan dan sokongan pemasaran. Bagi menyokong perkembangan aktiviti perniagaan Kumpulan Bank Pembangunan, termasuk SME Bank, sebanyak RM7 bilion akan diperoleh daripada pasaran modal.

Sebahagian lagi usaha rasionalisasi melibatkan penggabungan Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dengan MECIB. Gabungan entiti ini dikenali sebagai EXIM Bank, diletakkan secara langsung di bawah milikan Kementerian Kewangan. Penggabungan itu mewujudkan entiti dengan sumber kewangan yang lebih besar untuk menumpukan kepada penggalakan eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia, dan juga menyediakan pembiayaan projek luar negara kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negara. Di samping itu, ia menggalakkan lebih sinergi dan ekonomi mengikut bidangan, sambil mengurangkan kemungkinan berlakunya duplikasi sumber, kemahiran dan kepakaran. Dengan menempatkan EXIM Bank terus di bawah Kementerian Kewangan akan membolehkan bank itu mengambil kesempatan daripada statusnya yang hampir berdaulat (sovereign) dalam mendapatkan pengiktirafan penarafan kredit yang lebih baik dan penerimaan yang lebih baik daripada bank yang sama di luar negara berhubung dengan jaminan dan perlindungan insurans yang dikeluarkan oleh bank itu. Ini akan menyediakan EXIM Bank dengan lebih banyak sumber dana alternatif dan kompetitif untuk menyokong operasi perniagaannya, lantas membolehkan ia memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan dan pengeksport melalui produk dan perkhidmatan yang kompetitif dari segi harga.

Di samping menyediakan rangkaian produk pembiayaan, kemudahan jaminan dan produk insurans untuk menggalakkan perdagangan luar Malaysia, EXIM Bank juga akan meningkatkan sokongan kewangannya kepada syarikat Malaysia yang menjalankan projek di luar negara. Untuk memudahkan ini, seperti yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2006, Bank Negara Malaysia sedang dalam proses menubuhkan dana bernilai RM1 bilion di EXIM Bank untuk membantu syarikat Malaysia yang telah mendapat atau sedang membida kontrak, mendapatkan akses yang lebih baik kepada pembiayaan untuk menjalankan projek mereka di luar negara. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan, EXIM Bank melancarkan dua produk baru, iaitu Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung, pada bulan Januari 2006. Melalui produk-produk ini, PKS boleh mendapatkan akses kepada pembiayaan yang lebih baik dan pada kos yang menarik tanpa memerlukan cagaran untuk membiayai aktiviti eksport mereka ke pasaran bukan tradisional, terutama ke negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam.

- ***Pengukuhan Bank Pertanian Malaysia***
  Usaha telah dimulakan untuk mengukuhkan peranan Bank Pertanian Malaysia (Bank Pertanian) dalam meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi sektor pertanian dan industri asas tani. Bagi tujuan ini, kapasiti kewangan dan struktur institusi Bank Pertanian akan dimantapkan, manakala skop aktivitinya akan diperluas untuk merangkumi pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan dan bukan kewangan. Inisiatif ini dijangka meningkatkan keberkesanan Bank Pertanian dalam memenuhi keperluan keseluruhan rantaian nilai aktiviti pertanian, di samping terus memudahkan pencapaian objektif pembangunan sosioekonomi Kerajaan.

- ***Meningkatkan Keupayaan IKP sebagai Penasihat kepada PKS***
  Projek untuk meningkatkan keupayaan IKP untuk memberi khidmat perundingan dan nasihat kepada

PKS yang melibatkan Japan International Cooperation Agency, Bank Negara Malaysia dan IKP tertentu disempurnakan pada bulan November 2005. Berikutan itu, pelan tindakan khusus dirumuskan untuk SME Bank, Bank Pertanian dan EXIM Bank, yang mengenal pasti jenis khidmat nasihat yang perlu disediakan oleh setiap IKP ini serta menggariskan strategi penambahbaikan infrastruktur operasi dan membangunkan keupayaan sumber manusia mereka untuk menyediakan khidmat nasihat dengan lebih baik. Antara khidmat perundingan dan nasihat yang dikenal pasti termasuk kaunseling pengguna, mengenal pasti masalah asas dan diagnosis pengurusan untuk PKS, serta menyediakan perkhidmatan mencari padanan perniagaan untuk PKS. Pelan tindakan ini juga merangkumi strategi IKP dalam menubuhkan kerjasama dan ikatan strategik dengan agensi PKS Kerajaan yang berkenaan. Ini bertujuan menggunakan kepakaran dan kemudahan agensi itu, terutama dalam menyediakan sokongan teknikal. Kerjasama dan rangkaian hubungan yang diwujudkan antara IKP dengan agensi PKS Kerajaan akan memudahkan akses PKS kepada khidmat nasihat secara lebih teratur dan terselaras.

Menambahbaikkan Rangka Kerja Berhemat untuk IKP

- ***Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah***
  Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah kepada IKP di bawah kawal seliaan Akta IKP pada 31 Mei 2005. Garis panduan itu bertujuan untuk menyusun semula dan menyelaraskan fungsi dan tugas Jawatankuasa Syariah IKP. Garis panduan itu mengandungi peraturan dan prosedur penubuhan Jawatankuasa Syariah, takrif peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa, serta memastikan Jawatankuasa itu berkebolehan dan berkesan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Antara tugas Jawatankuasa itu ialah menasihati Lembaga Pengarah IKP mengenai perkara-perkara Syariah yang terdapat dalam operasi perniagaan mereka, serta tanggungjawab lain yang berkaitan yang diharap dapat dilaksanakan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Syariah institusi kewangan Islam yang lain. Garis panduan itu juga mentakrifkan hubungan dan pengaturan kerja antara Jawatankuasa Syariah IKP dengan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Jawatankuasa Syariah IKP mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang ahli dan mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia terlebih dahulu sebelum melantik dan melantik semula ahli Jawatankuasa Syariah.

- ***Pekeliling Perlindungan Takaful untuk Pembiayaan Islam***
  Pekeliling yang dikeluarkan pada 27 Mei 2005 menghendaki IKP menyediakan perlindungan Takaful bagi produk pembiayaan secara Islam mereka. Ini sejajar dengan usaha Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan operasi perbankan Islam dan menyelaraskan amalan yang diterima pakai oleh institusi kewangan lain dalam industri ini. IKP yang menyediakan pembiayaan Islam dikehendaki menawarkan pelan Takaful kepada pelanggan mereka dengan menawarkan perlindungan bagi pembiayaan Islam yang memerlukan perlindungan. Pilihan lain dalam bentuk perlindungan insurans konvensional akan hanya dibenarkan sekiranya tiada pelan Takaful dalam pasaran, atau pelanggan menolak pelan Takaful. Dalam hal yang demikian, perlindungan insurans konvensional hendaklah ditawarkan secara berasingan dan bukannya sebagai sebahagian daripada pakej pembiayaan Islam.

- ***Pengeluaran Garis Panduan dan Pekeliling kepada Bank Pertanian Malaysia***
  Setelah Bank Pertanian diletakkan di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia, beberapa langkah berhemat yang sedia ada untuk IKP yang dikawal selia telah dipanjangkan kepada Bank Pertanian. Ini bagi mengukuhkan kemantapan kewangan dan operasinya, serta memastikan Bank Pertanian melaksanakan mandatnya untuk menggalakkan pembangunan sektor pertanian secara cekap lagi berkesan.

Pemantauan dan Penyeliaan IKP

Dalam memastikan operasi IKP dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan untuk memenuhi peranan yang dimandatkan, aktiviti penyeliaan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2005 ditumpukan pada peningkatan standard tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan kecekapan operasi IKP.

- ***Mengukuhkan Tadbir Urus Korporat***
  Dalam memperkukuh tadbir urus korporat, penilaian dibuat atas pengawasan lembaga pengarah yang berkualiti dan proaktif di samping kepimpinan IKP yang berkesan, dari segi menentukan hala tuju strategik dan sumbangan terhadap seluruh pengurusan IKP. Dalam konteks ini, peranan dan fungsi yang dilaksanakan oleh lembaga pengarah untuk meningkatkan kapasiti, keupayaan dan daya saing IKP juga akan dinilai dengan teliti.

  Semasa menjalankan pemeriksaan di premis, temu duga dengan ahli lembaga pengarah diadakan untuk

menjalankan penilaian yang lebih baik tentang tahap penyertaan dan sumbangan pengarah dalam mengurus institusi. Temu duga itu turut memberi ruang kepada penyelia untuk membincangkan kebimbangan dan langkah pengawalseliaan, selain memantau isu yang dihadapi oleh IKP. Ternyata interaksi sebegini membuahkan penyertaan yang lebih aktif di kalangan ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan IKP dalam memacu prestasi institusi, termasuk mengurus harapan pihak berkepentingan, serta memperbaiki fungsi pengawasan mereka. Lembaga pengarah dan pengurusan kanan juga digalakkan untuk mengenal pasti dan merumuskan penunjuk prestasi utama yang jelas bagi mengukur kecekapan dan keberkesanan IKP dalam melaksanakan peranan yang menjadi mandat mereka. Penunjuk ini bertujuan untuk membolehkan IKP menilai prestasi mereka lantas terus berusaha untuk menghadapi tuntutan dan cabaran yang semakin meningkat daripada sektor yang disasarkan.

- ***Meningkatkan Pengurusan Risiko dan Kecekapan Operasi***
  Aktiviti penyeliaan juga terarah kepada usaha memastikan bahawa amalan pengurusan risiko IKP setara dengan magnitud dan kerumitan risiko yang ditanggung. Dalam hal ini, penekanan tertumpu pada penilaian keberkesanan pengurusan aset dan kawalan dalaman, serta kecukupan infrastruktur dan sistem pengurusan maklumat untuk menyokong operasi perniagaan mereka. Pada tahun 2005, kualiti perkhidmatan pelanggan juga dinilai bagi memastikan IKP berkesan dalam memenuhi keperluan sektor strategik yang telah dikenal pasti untuk mereka. Ternyata bahawa IKP telah melakukan penambahbaikan dalam bidang seperti memperkemas dasar dan prosedur operasi; menyediakan keupayaan sumber manusia yang mencukupi; mewujudkan tanggungjawab dan struktur pengurusan yang jelas, serta mengukuhkan fungsi audit dalaman. Di samping itu, penambahbaikan terhadap sistem pinjaman dan saluran penyampaian pinjaman telah juga dijalankan.

PRESTASI INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN

Prestasi IKP kekal menggalakkan, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam deposit dan peningkatan yang ketara dalam aktiviti pembiayaan untuk menyokong sektor strategik dalam ekonomi. Antara sektor strategik yang menerima pembiayaan daripada IKP ialah sektor infrastruktur, perkilangan, pertanian, maritim dan eksport, serta industri berintensif modal dan berteknologi tinggi, dan usahawan Bumiputera.

Aktiviti pembiayaan IKP terus menyokong sektor strategik dalam ekonomi.

Aktiviti Pembiayaan

Jumlah pinjaman terkumpul 13 IKP berkembang 25.8% kepada RM47.5 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM37.7 bilion) untuk mencakupi 47.4% daripada jumlah aset IKP pada akhir tahun 2005. Peningkatan yang ketara ini didorong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan dalam pembiayaan bagi kredit penggunaan yang diberi oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan pinjaman yang diberi oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) bagi projek infrastruktur. Pemberian pinjaman bagi kredit penggunaan meningkat dengan ketara sebanyak 42.2% untuk mencakupi 29.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Pinjaman yang disalurkan kepada sektor pembinaan, utiliti serta pengangkutan dan komunikasi sebagai satu kumpulan meningkat 31.1%, mencakupi 27.8% daripada jumlah pinjaman. Pertumbuhan yang menggalakkan juga telah dicatat dalam pembiayaan kepada sektor perkilangan dan pertanian, dengan jumlah pinjaman yang diberikan kepada kedua-dua sektor ini sebagai satu kumpulan mencakupi 16.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Sementara itu, pemberian kemudahan jaminan dan insurans kredit meningkat 12.4% kepada RM4.8 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM4.3 bilion), disebabkan sebahagian besarnya oleh jaminan yang lebih tinggi yang disediakan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

Enam IKP yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia mencatat pertumbuhan yang teguh dalam pinjaman terkumpul sebanyak RM9.9 bilion atau 29.6% kepada RM43.4 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM33.5 bilion). Peningkatan dalam pembiayaan berpunca terutamanya daripada pembiayaan runcit yang disediakan oleh Bank Rakyat yang meningkat 36% dan pembiayaan bagi projek infrastruktur oleh Bank Pembangunan (+34.1%). Aktiviti pemberian pinjaman Bank Simpanan Nasional (BSN) dan EXIM Bank juga turut mencatat pertumbuhan yang kukuh masing-masing sebanyak 30.9% dan 25.6%. Walau bagaimanapun, Bank Pertanian mencatat pertumbuhan pinjaman yang sederhana sebanyak 2.8%, sementara SME Bank, yang mula beroperasi pada bulan Oktober 2005, meluluskan pinjaman sebanyak RM333.8 juta kepada 202 PKS antara bulan Oktober hingga Disember

Jadual 7.1
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2005
	2004	2005	
	RM juta		
Sumber:			
Dana pemegang saham	1,119.7	2,072.6	12,616.4
Modal berbayar	*670.0*	*701.1*	*8,563.4*
Rizab	*451.7*	*396.8*	*2,448.1*
Keuntungan tertahan	-2.0	974.7	1,604.9
Deposit diterima	7,474.7	3,658.6	53,536.6
Peminjaman	2,154.1	2,250.7	20,981.6
Kerajaan	*1,319.9*	*1,821.3*	*14,871.4*
Agensi pelbagai hala / antarabangsa	*885.7*	*602.5*	*4,646.7*
Lain-lain	*-51.5*	*-173.1*	*1,463.5*
Lain-lain	1,611.0	712.6	13,009.8
Jumlah	**12,359.5**	**8,694.5**	**100,144.4**
Kegunaan:			
Penempatan deposit	2,663.3	-4,796.9	14,111.1
Pelaburan	4,327.5	4,174.3	29,731.3
antaranya:			
Sekuriti kerajaan	*-321.5*	*2,148.5*	*4,777.8*
Saham	*1,477.9*	*1,535.2*	*9,791.2*
Disenaraikan	*1,168.2*	*1,564.6*	*7,933.7*
Tidak disenaraikan	*309.7*	*-29.4*	*1,857.5*
Pinjaman dan pendahuluan	5,392.3	9,731.3	47,478.4
Aset tetap	350.2	169.2	4,226.9
Lain-lain	-373.8	-583.4	4,596.7
Jumlah	**12,359.5**	**8,694.5**	**100,144.4**
Kontingensi:			
Jaminan	287.4	455.1	4,404.1
Insurans kredit eksport	185.3	71.8	380.4
Jumlah	**472.7**	**526.9**	**4,784.5**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Haji, Sabah Development Bank Berhad, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad.
Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan Malaysia Export Credit Insurance Berhad dan tidak termasuk SME Bank.

2005. Aktiviti pengunderaitan EXIM Bank, termasuk kemudahan insurans kredit dan jaminan daripada MECIB sebelum ini, meningkat 18.1% (2004: 25.2%). Aktiviti pembiayaan yang lebih tinggi oleh IKP dicerminkan oleh kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang tinggi. Jumlah pinjaman yang diluluskan oleh enam IKP berjumlah RM16.1 bilion (2004: RM19 bilion) sementara jumlah pinjaman yang dikeluarkan meningkat dengan ketara kepada RM17.8 billon, berbanding dengan RM10.9 bilion pada tahun 2004.

Jadual 7.2
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Haluan Pinjaman

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2005
	2004	2005	
	RM juta		
Pertanian, perhutanan dan perikanan	387.4	96.2	3,357.6
Perlombongan dan kuari	-8.4	-10.2	56.6
Perkilangan	174.2	332.4	4,458.6
Bekalan elektrik, gas dan air	611.8	1,024.1	2,253.0
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	448.4	-55.5	643.3
Sektor harta benda luas	1,708.1	1,578.2	11,662.9
Pembinaan	*177.2*	*933.9*	*5,120.5*
Pembelian harta kediaman	*1,150.2*	*1,397.0*	*5,475.1*
Pembelian harta bukan kediaman	*22.8*	*-34.3*	*429.6*
Harta tanah	*357.9*	*-718.4*	*637.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	*231.5*	*1,179.3*	*5,844.5*
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-710.5	-173.5	810.7
Kredit penggunaan	1,830.0	4,172.5	14,069.0
Lain-lain	719.8	1,587.8	4,322.2
Jumlah	**5,392.3**	**9,731.3**	**47,478.4**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Haji, Sabah Development Bank Berhad, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad.
Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan tidak termasuk SME Bank.

Jumlah kasar NPL 13 IKP sebagai satu kumpulan menurun RM49.3 juta kepada RM5.2 bilion pada akhir tahun 2005. Berikutan jumlah pinjaman yang lebih besar, nisbah NPL kasar menurun kepada 11.4% pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: 14.7%). Bagi enam IKP yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, nisbah NPL kasar dan bersih menurun masing-masing kepada 10.3% dan 4.4% (akhir tahun 2004: masing-masing 13.2% dan 5.5%).

Sumber Dana

Jumlah deposit yang digembleng oleh IKP pengambil deposit meningkat 7.3% kepada RM53.5 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM49.9 bilion), untuk mencakupi 53.5% daripada jumlah sumber IKP. Pada tahun 2005, tabungan oleh individu meningkat 4.1% kepada RM25.5 bilion (akhir tahun 2004: RM24.5 bilion), mencakupi 47.6% daripada jumlah deposit yang digembleng. Deposit daripada individu digembleng terutamanya oleh Lembaga Tabung Haji dan BSN.

Jadual 7.3
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun	
	2004	2005
	RM juta	
Peruntukan am	735.7	948.6
Faedah tergantung	1,362.1	1,367.8
Peruntukan khas	2,095.0	2,085.8
Pinjaman tidak berbayar	5,229.6	5,180.3
	Peratusan (%)	
Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar[2]	14.7	11.4
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih[3]	5.5	4.1
Jumlah peruntukan/ Pinjaman tidak berbayar	80.2	85.0

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad dan Sabah Credit Corporation.
Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan tidak termasuk SME Bank.

[2] Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar = (Pinjaman tidak berbayar / Pinjaman kasar*) X 100%.

[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar tolak faedah tergantung tolak peruntukan khas) / (Pinjaman kasar* tolak faedah tergantung tolak peruntukan khas) X 100%.

* Tidak termasuk pinjaman oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Haji, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad dan pinjaman di bawah skim ECR.

Sementara itu, deposit yang digembleng daripada perusahaan perniagaan swasta dan Kerajaan (termasuk agensi berkaitan), meningkat dengan kukuh sebanyak 16.9%. Ini menambah bahagian mereka kepada 46.7% daripada jumlah deposit IKP. Di samping deposit, sumber dana yang lain ialah dana pemegang saham yang meningkat RM2.1 bilion serta peminjaman yang lebih tinggi, terutamanya daripada Kerajaan (RM1.8 bilion).

Bank Pembangunan Malaysia Berhad

Pada tahun 2005, aktiviti pembiayaan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) terus kekal kukuh, terutamanya pemberian pinjaman bagi projek infrastruktur. Bank Pembangunan yang dikenali sebagai Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad sebelum ini, telah berubah berikutan pelaksanaan rasionalisasi yang melibatkan sebilangan IKP pada bulan September 2005 lalu. Pelaksanaan rasionalisasi telah menyebabkan portfolio pinjaman bank mengalami perubahan struktur. Di samping menyediakan pembiayaan bagi projek infrastruktur, Bank Pembangunan diberi mandat tambahan, iaitu ia berperanan untuk memberi pembiayaan jangka pertengahan dan panjang kepada sektor maritim, serta industri yang intensif modal dan berasaskan teknologi tinggi dalam sektor perkilangan dan sektor tertentu yang lain. Portfolio pinjaman industri maritim dan industri teknologi tinggi yang dahulunya di bawah Bank Industri telah diserap oleh Bank Pembangunan. Berkuat kuasa 1 Oktober 2005, portfolio pinjaman PKS daripada Bank Pembangunan dipindahkan kepada subsidiarinya yang baru ditubuhkan, iaitu SME Bank.

Jumlah pinjaman terkumpul Bank Pembangunan meningkat dengan pesat sebanyak 22.7% kepada RM14.2 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM11.6 bilion), dipacu oleh pertumbuhan yang kukuh sebanyak 34.1% atau RM3.4 bilion dalam pemberian pinjaman kepada sektor infrastruktur (2004: 15.3%). Projek yang dikenal pasti Kerajaan dan projek sektor swasta masing-masing mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 29.2% dan 47.1%, dengan 70% daripada jumlah pinjaman terkumpul adalah untuk sektor infrastruktur yang dikenal pasti Kerajaan. Sebahagian besar daripada peningkatan dalam pinjaman infrastruktur disalurkan kepada sektor utiliti (RM1 bilion), sektor pengangkutan dan komunikasi (RM908 juta) dan sektor pembinaan (RM802 juta). Pinjaman yang telah dikeluarkan bagi projek infrastruktur berjumlah RM4.7 bilion (2004: RM1.9 bilion). Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman yang diluluskan bagi sektor itu berkurang kepada RM1.9 bilion, berbanding dengan RM7.4 bilion pada tahun 2004.

Pemberian pinjaman bank kepada sektor baru yang disasarkan, iaitu sektor teknologi tinggi dan maritim berjumlah RM868.3 juta pada akhir tahun 2005. Pembiayaan kepada sektor maritim, yang terdiri

Graf 7.1
Bank Pembangunan Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2005



daripada industri perkapalan, limbungan kapal dan industri berkaitan marin, merupakan 78.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul bagi kedua-dua sektor itu. Pada tempoh antara Oktober hingga Disember 2005, bank meluluskan sejumlah RM31.9 juta pinjaman kepada kedua-dua sektor itu, sementara jumlah pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM107.4 juta.

NPL kasar Bank Pembangunan berkurang kepada RM433.4 juta pada akhir tahun 2005, terutamanya disebabkan oleh pindahan pinjaman portfolio PKS kepada SME Bank. Oleh itu, nisbah NPL kasar menurun daripada 7.9% kepada 3%, manakala nisbah NPL bersih turut menurun kepada 0.8% (2004: 2.7%).

Berikutan rasionalisasi yang dilaksanakan, jumlah pelaburan Bank Pembangunan meningkat kepada RM2.6 bilion, mencakupi kepada 13.7% daripada jumlah aset. Pada tahun 2005, portfolio pelaburan meningkat dengan ketara sebanyak 95.9% (RM1.3 bilion) terutamanya disebabkan oleh pengambilalihan saham dalam subsidiari yang dahulunya dimiliki oleh Bank Industri dan pemegangan pelaburan dalam SME Bank. Sementara itu, jumlah deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan menurun sebanyak RM2.1 bilion terutamanya disebabkan oleh penggunaan dana bagi pengeluaran pinjaman serta pemindahan dana kepada SME Bank.

Sumber utama pendanaan bagi Bank Pembangunan ialah peminjaman daripada Kerajaan dan agensi antarabangsa pelbagai hala, yang berjumlah RM8.8 bilion pada akhir tahun 2005. Ini merupakan komponen terbesar (57.2%) daripada jumlah liabilitinya. Pada tahun itu, jumlah peminjaman meningkat 11% (RM875.9 juta) mencerminkan dana tambahan yang diterima daripada agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, ini diimbangi sebahagiannya oleh pemindahan peminjaman kepada SME Bank. Pada tahun 2005, jumlah dana pemegang saham meningkat dengan ketara sebanyak RM869.2 juta kepada RM3.8 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM2.9 bilion), disumbang terutamanya oleh swap saham dengan SME Bank (RM328.7 juta) serta suntikan modal oleh Kerajaan (RM200 juta).

Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad

SME Bank memulakan operasi pada 3 Oktober 2005, berikutan rasionalisasi Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad. SME Bank ialah anak syarikat Bank Pembangunan dan mempunyai 15 cawangan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat usahawan di negara ini.

Graf 7.2
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2005



Mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menyokong PKS, SME Bank memulakan operasi dengan modal berbayar RM1 bilion. Portfolio pinjaman SME Bank terdiri daripada pinjaman PKS yang dipindahkan daripada Bank Pembangunan dan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad. Pada akhir tahun 2005, jumlah aset SME Bank bernilai RM4.9 bilion, dengan 43.5% berbentuk pinjaman dan 22% berbentuk penempatan deposit.

Sepanjang tiga bulan pertama operasinya, SME Bank telah meluluskan 202 akaun pinjaman berjumlah RM333.8 juta, dan daripada jumlah ini, RM311.2 juta (atau 93.2% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan) telah diberikan kepada PKS Bumiputera (193 akaun pinjaman). Kelulusan pinjaman diberikan terutamanya kepada PKS dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, sebanyak RM319.7 juta pinjaman telah dikeluarkan kepada 563 akaun pinjaman sepanjang tempoh yang sama, terutamanya kepada PKS dalam sektor perkilangan, perdagangan am serta pengangkutan dan komunikasi. Pada bulan Disember 2005, SME Bank telah melancarkan satu produk baru, iaitu profesional PKS. Pembiayaan ini diberikan kepada profesional yang terlibat dalam perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan, perakaunan, khidmat pakar runding dan seni bina.

Jumlah pinjaman terkumpul SME Bank berkurang RM43.8 juta kepada RM2.1 bilion pada akhir tahun 2005 disebabkan oleh hapus kira pinjaman berjumlah RM147.7 juta. Tanpa hapus kira ini, jumlah pinjaman terkumpul meningkat RM191.5 juta, yang disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perdagangan

am, pengangkutan dan komunikasi serta pembinaan. Pada akhir tahun 2005, pinjaman kepada sektor perkilangan mencakupi 43.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada PKS Bumiputera berkurang RM6 juta kepada RM1.7 bilion pada akhir bulan Disember 2005, mencakupi 79.4% daripada jumlah pinjaman.

Pada akhir tahun 2005, SME Bank menguruskan 23 dana Kerajaan dengan pinjaman terkumpul berjumlah RM1.1 bilion atau 50.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Sepanjang tempoh tiga bulan itu, kelulusan dan pengeluaran pinjaman daripada dana berkenaan masing-masing berjumlah RM827.4 juta dan RM1.4 bilion, terutamanya melalui Tabung Usahawan Baru 2 dan Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2.

Export-Import Bank of Malaysia Berhad

Sejajar dengan pengembangan sektor perdagangan luar negeri yang berterusan, aktiviti pembiayaan EXIM Bank meningkat pada tahun 2005. Jumlah pinjaman terkumpul berkembang dengan kukuh sebanyak 25.6% (2004: 15.3%) kepada RM2.8 bilion pada akhir tahun 2005, mencerminkan terutamanya peningkatan dalam pinjaman di bawah skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) yang dibiayai Kerajaan.

Pinjaman terkumpul di bawah skim ECR yang disalurkan terutamanya kepada industri minyak sawit, getah dan kimia, berkembang dengan nyata sebanyak 27.7% (2004: 4.7%) kepada RM1.5 bilion pada akhir tahun 2005. Permintaan kukuh terhadap pembiayaan di bawah skim ini disebabkan terutamanya oleh promosi secara berterusan di seluruh negara oleh bank peserta dan EXIM Bank, serta jangkaan kadar faedah yang lebih tinggi dalam pasaran. Seiring dengan itu, pinjaman yang dikeluarkan di bawah skim itu meningkat 7.7% (2004: 2.3%).

Graf 7.3
Export-Import Bank of Malaysia Berhad: Kemudahan Kredit pada 31 Disember 2005



Graf 7.4
Export-Import Bank of Malaysia Berhad: Liabiliti Kontingensi pada 31 Disember 2005



Pinjaman terkumpul di bawah pembiayaan eksport dan pembiayaan projek luar negara juga berkembang dengan kukuh pada tahun 2005, masing-masing sebanyak 38.1% dan 20.3%. Selaras dengan peranan EXIM Bank untuk menggalakkan kepelbagaian pasaran eksport Malaysia, kira-kira 58.7% daripada jumlah pembiayaan projek luar negara dan 38% daripada pembiayaan eksport telah disalurkan kepada pasaran bukan tradisional. Hampir separuh daripada jumlah pembiayaan projek luar negara disalurkan kepada projek di Asia Tenggara, diikuti oleh Afrika (22.4%) dan Asia Timur (12.7%).

Jumlah NPL kasar, tidak termasuk pinjaman yang disediakan di bawah skim ECR, meningkat kepada RM361.6 juta pada tahun 2005 (2004: RM306.8 juta). Namun begitu, berikutan jumlah pinjaman yang lebih besar, nisbah NPL kasar bertambah baik kepada 27.2% berbanding dengan 28.5% pada akhir tahun 2004. Pembiayaan projek luar negara mencakupi 97.1% daripada jumlah NPL.

Berikutan langkah rasionalisasi, EXIM Bank bergabung dengan MECIB berkuat kuasa 1 Oktober 2005. Nama EXIM Bank dikekalkan dan semua operasi MECIB diserap oleh EXIM Bank. Jumlah pendedahan EXIM Bank yang berpunca daripada perniagaan jaminan dan perniagaan insurans kredit eksport mencatat peningkatan sebanyak 18.1% pada tahun 2005 (2004: 25.2%) kepada RM993.9 juta pada akhir tahun 2005. Kemudahan insurans kredit eksport berkembang

23.3% atau RM71.8 juta pada tahun itu kepada RM380.5 juta, sementara jaminan meningkat 15% atau RM80.2 juta kepada RM613.5 juta. Perlindungan jangka sederhana dan panjang terus mencakupi sebahagian besar daripada jumlah pendedahan dengan 53.8% (RM534.5 juta) dan baki sebanyak 46.2% (RM459.4 juta) mencakupi perlindungan jangka pendek.

Sebanyak 45.5% daripada jumlah pendedahan disalurkan kepada negara-negara yang dikategorikan sebagai pasaran bukan tradisional, mencerminkan usaha EXIM Bank untuk menggalakkan kepelbagaian pasaran eksport Malaysia. Dari segi agihan mengikut kawasan, Asia Timur adalah kawasan terbesar yang mencakupi 25.7% daripada jumlah pendedahan, diikuti oleh Asia Tenggara (22.8%), Amerika Utara (12.7%), Eropah Barat (10.8%) dan Timur Tengah (10.5%).

Berikutan penggabungan, dana pemegang saham EXIM Bank meningkat kepada RM481.4 juta disebabkan terutamanya oleh peningkatan modal berbayar entiti yang digabungkan itu kepada RM380.5 juta. Pada tahun 2005, peminjaman terkumpul EXIM Bank daripada Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk skim ECR, kekal tidak berubah sementara peminjaman daripada agensi antarabangsa meningkat RM191 juta kepada RM691 juta pada akhir tahun 2005. Walau bagaimanapun, penempatan deposit yang mencakupi 25.1% daripada jumlah aset EXIM Bank, merosot 19.9% atau RM254.7 juta pada tahun itu kepada RM1 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM1.3 bilion).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Jumlah aset Bank Rakyat meningkat 13.2% kepada RM25.3 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM22.3 bilion), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh dalam pembiayaan. Bahagian jumlah pembiayaan terkumpul kepada jumlah aset meningkat kepada 66.6% pada akhir tahun 2005, daripada 55.4% pada akhir tahun 2004. Pertumbuhan dalam pembiayaan sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam deposit dan pelaburan dalam sekuriti. Deposit bank ini di institusi kewangan turun RM1.2 bilion kepada RM2.8 bilion, sementara pemegangan dalam sekuriti pelaburan merosot RM348 juta kepada RM5 bilion pada akhir tahun 2005. Hasilnya, bahagian komponen aset-aset ini daripada jumlah aset menurun kepada 31% pada akhir tahun 2005 daripada 42% pada tahun sebelumnya.

Jumlah pembiayaan terkumpul meningkat dengan ketara sebanyak 36% kepada RM16.8 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM12.4 bilion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan kukuh dalam kredit penggunaan, terutamanya pinjaman persendirian yang meningkat 36.3% kepada RM10.5 bilion. Di samping itu, pembiayaan untuk membeli rumah dan kenderaan juga kukuh, masing-masing meningkat 40.7% dan 70.7% kepada RM3.7 bilion dan RM1.1 bilion. 62.3% daripada jumlah pembiayaan terkumpul disalur kepada kredit penggunaan, 24.6% untuk sektor harta tanah dan 6.7% untuk pembelian kenderaan. Pemberian pinjaman oleh Bank Rakyat kepada ahlinya meningkat RM2 bilion kepada RM11.7 bilion pada akhir tahun 2005, namun bahagian pinjaman ini kepada jumlah pembiayaan terkumpul merosot daripada 78.2% kepada 69.3%, berikutan kenaikan ketara dalam pinjaman kepada bukan ahli, iaitu sebanyak RM2.5 bilion (2004: RM0.4 bilion) kepada RM5.2 bilion. Aktiviti pembiayaan bank ini yang kukuh pada tahun 2005 ditunjukkan oleh bertambahnya kelulusan pembiayaan dan pengeluaran pinjaman, masing-masing berjumlah RM8.2 bilion dan RM9.2 bilion. Berikutan pengembangan dalam jumlah pinjaman, nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) kasar bertambah baik kepada 6.8% daripada 8.8% dan nisbah NPF bersih juga bertambah baik kepada 2.9% daripada 4.2%.

Deposit yang digembleng oleh Bank Rakyat meningkat 14.2% atau RM2.4 bilion kepada RM19.5 bilion pada akhir tahun 2005, disebabkan terutamanya oleh kadar pulangan menarik yang ditawarkan oleh Bank Rakyat. Peningkatan dalam deposit mencerminkan simpanan yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan, yang meningkat RM1.2 bilion kepada RM12.7 bilion, untuk mencakupi 65% daripada jumlah deposit pada akhir tahun 2005.

Graf 7.5
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad: Haluan Pembiayaan pada 31 Disember 2005



Deposit yang digembleng daripada individu meningkat RM0.3 bilion kepada RM2.5 bilion.

Dana pemegang saham bank meningkat kepada RM3.7 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM3.5 bilion) hasil daripada keuntungan yang lebih tinggi. Bank mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM535.5 juta berbanding dengan RM460 juta pada tahun 2004. Pada tahun 2005, modal berbayar bank meningkat RM3.7 juta kepada RM1,951.9 juta, mencerminkan langganan oleh ahli baru. Modal berbayar bank mencecah hampir RM2 bilion semenjak bulan September 2004, berikutan permohonan untuk menjadi ahli dan saham tambahan yang meningkat. Pada akhir tahun 2005, keahlian individu Bank Rakyat ialah sebanyak 693,963 (akhir tahun 2004: 714,743) sementara keahlian koperasi sebanyak 1,207 (akhir tahun 2004: 1,172).

Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) terus mencatat pertumbuhan kukuh dalam deposit yang digembleng dan pinjaman runcit pada tahun 2005. Operasi BSN pada akhir tahun 2005 disokong oleh 390 buah cawangan dan 616 ATM yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar. Untuk meningkatkan lagi perkhidmatannya, BSN menyertai Malaysian Electronic Payment System (MEPS) pada bulan Disember 2005. Ini membolehkan pelanggannya menggunakan ATM dalam MEPS.

Jumlah deposit yang digembleng oleh BSN meningkat 19.1% kepada RM13.1 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM11 bilion), disebabkan terutamanya oleh deposit Kerajaan. Deposit perusahaan perniagaan swasta meningkat sebanyak RM1 bilion pada tahun 2005, tetapi terdapat pengeluaran bersih oleh syarikat dikuasai Kerajaan berjumlah RM0.4 bilion. Hasilnya, jumlah deposit perusahaan perniagaan meningkat sebanyak RM0.6 bilion atau 28.3% kepada RM2.6 bilion pada akhir tahun 2005, untuk mencakupi 20% daripada jumlah deposit (akhir tahun 2004: 18.5%). Deposit individu meningkat sedikit, iaitu sebanyak 1.2% kepada RM8 bilion pada akhir tahun 2005 untuk mencakupi 60.8% daripada jumlah deposit (akhir tahun 2004: 71.6%). Deposit tetap mencakupi 52.1% daripada jumlah deposit diterima, sementara deposit simpanan mencakupi 40.1%, dan selebihnya deposit pelaburan am.

Graf 7.6
Bank Simpanan Nasional:
Jumlah Deposit Diterima pada 31 Disember 2005



Dari segi penggunaan dana, 56.6% telah dilaburkan dalam sekuriti, yang meningkat 37.8% kepada RM8.6 bilion pada akhir tahun 2005. Pemegangan kertas Kerajaan, khususnya, meningkat RM1.6 bilion. Pinjaman dan pembiayaan mencakupi 27.5% daripada jumlah aset.

Aktiviti pembiayaan BSN kekal teguh pada tahun 2005 dan inisiatif untuk memperkenalkan produk Islam telah berjaya dengan pembiayaan berlandaskan Islam meningkat dengan ketara sebanyak RM628.1 juta kepada RM782.8 juta pada akhir tahun 2005. Jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan masing-masing lebih tinggi pada RM2.2 bilion dan RM1.6 bilion (2004: masing-masing RM1.4 bilion dan RM1.3 bilion). Jumlah pembiayaan meningkat dengan kukuh sebanyak RM1 bilion atau 30.9% kepada RM4.2 bilion pada akhir tahun 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan nyata dalam pinjaman persendirian (RM0.9 bilion) ekoran pakej faedah rendah yang menarik. Di samping itu, terdapat juga peningkatan ketara dalam pembiayaan untuk pembelian rumah kediaman, iaitu sebanyak RM315.7 juta kepada RM1.5 bilion pada akhir tahun 2005. Skim kredit mikro yang dilancarkan pada bulan Jun 2003 telah ditangguhkan pada bulan Disember 2004. Sejumlah RM723.1 juta telah dikeluarkan kepada 88,774 pemohon. Berikutan penangguhan skim itu, usaha telah ditumpukan kepada meningkatkan pembayaran balik dan kutipan semula pinjaman. Oleh itu, jumlah pinjaman kredit mikro terkumpul menurun kepada RM517.1 juta pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM610.7 juta).

NPL kasar meningkat sebanyak RM176.1 juta kepada RM626 juta pada akhir tahun 2005 disebabkan terutamanya oleh kenaikan NPL bagi pinjaman perumahan, kredit mikro dan kad kredit. Berikutan itu, nisbah NPL kasar merosot daripada 14.1% pada akhir tahun 2004 kepada 15% pada akhir tahun 2005. Walau bagaimanapun, pada asas bersih, nisbah NPL

bertambah baik daripada 7.7% kepada 6.7%, oleh sebab peruntukan kerugian hutang bagi kredit mikro yang lebih tinggi.

Bank Pertanian Malaysia

Bank Pertanian Malaysia (Bank Pertanian) terus menyokong aktiviti pertanian dengan menyediakan pembiayaan kepada keseluruhan rantaian nilai sektor pertanian. Di samping industri minyak sawit, Bank Pertanian terus menyalurkan pembiayaan kepada bidang baru, seperti perkhidmatan sokongan dan industri pemprosesan berasaskan pertanian. Walau bagaimanapun, penambahan pinjaman yang disalurkan kepada industri ini, diimbangi sebahagian besarnya oleh pengurangan pinjaman kepada sektor padi, perhutanan dan penternakan. Oleh itu, jumlah pinjaman terkumpul meningkat dengan sederhana pada kadar 2.8% (2004: 14.8%) kepada RM3.2 bilion pada akhir tahun 2005. Pada tahun itu, RM716.8 juta pinjaman dikeluarkan, terutamanya untuk perkhidmatan sokongan pertanian (RM296.7 juta) dan kelapa sawit (RM186.4 juta).

Pekebun kecil terus menjadi kumpulan peminjam terbesar, mencakupi 98.7% daripada jumlah peminjam, dengan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak RM1.7 bilion. Pada tahun 2005, Bank Pertanian meluluskan pinjaman berjumlah RM865.5 juta kepada 37,182 akaun pinjaman, sebahagian besarnya kepada pekebun kecil (99.6% daripada jumlah bilangan peminjam).

Bank Pertanian menghentikan skim kredit mikro pada bulan Disember 2004 memandangkan peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Sejak pelancaran skim kredit mikro pada bulan Jun 2003, Bank Pertanian menerima sejumlah 32,173 permohonan dan meluluskan 17,603 permohonan bernilai RM202.1 juta. Sejumlah RM200 juta telah dikeluarkan di bawah skim ini, dengan peminjam terlibat terutamanya dalam perdagangan dan pemasaran produk pertanian. Pada akhir tahun 2005, pinjaman terkumpul bagi skim kredit mikro berjumlah RM75.7 juta (akhir tahun 2004: RM117 juta).

Graf 7.7
Bank Pertanian Malaysia:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2005



NPL kasar menurun RM86.9 juta kepada RM1.2 bilion pada akhir Disember 2005, yang menghasilkan nisbah NPL kasar yang lebih rendah, itu 36.5% (akhir tahun 2004: 40.3%). Nisbah NPL bersih juga bertambah baik kepada 18.7% (akhir tahun 2004: 22.8%).

Dari segi jumlah aset, pinjaman kekal sebagai komponen terbesar, mencakupi 51.5% daripada jumlah aset, diikuti oleh pelaburan, yang mencakupi 27.2% (RM1.7 bilion) daripada jumlah aset. Sebahagian besar pelaburan adalah dalam bentuk nota janji hutang/surat perdagangan (51.6%), sekuriti hutang swasta (37.5%) dan amanah saham (28.7%).

Jumlah deposit terkumpul berkurang sebanyak RM521.1 juta atau 12.7% (2004: 8.8%) kepada RM3.6 bilion pada akhir tahun 2005, disebabkan terutamanya oleh pengeluaran bersih oleh perusahaan perniagaan. Namun begitu, deposit yang digembleng melalui rangkaian 172 buah cawangan dan 5,634 unit bergerak di seluruh negara, kekal sebagai sumber dana terbesar bagi Bank Pertanian, mencakupi 58.5% daripada jumlah sumbernya. Untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggannya, Bank Pertanian menjadi ahli MEPS pada bulan Julai 2005, dengan itu membolehkan pendeposit mengakses ATM yang menggunakan perkhidmatan MEPS.

Peminjaman daripada Kerajaan berjumlah RM1.7 bilion pada akhir Disember 2005 (27.6% daripada jumlah sumber) dan digunakan terutamanya untuk menyokong pelbagai skim pembiayaan Kerajaan. Bank Pertanian mengurus 10 dana dengan pinjaman terkumpul berjumlah RM176 juta atau 5.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir Disember 2005.

Malaysian Industrial Development Finance Berhad

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) mengekalkan aktiviti pemberian pinjamannya pada tahun 2005, dengan jumlah kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing meningkat 14.3% kepada RM532 juta (2004: RM466.1 juta) dan 1.4% kepada RM306.3 juta (2004: RM302 juta). Bagi mempertingkat perkhidmatannya, MIDF merancang untuk memperkenalkan dua produk tambahan baru, iaitu, Kredit Pusingan dan Pembiayaan Kontrak bagi tujuan modal kerja pada

Graf 7.8
Malaysian Industrial Development Finance Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2005



tahun 2006. Ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pembiayaan pelanggannya.

Jumlah pinjaman terkumpul merosot sedikit, iaitu sebanyak 1.3% kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2005, dengan peningkatan pinjaman yang dikeluarkan diimbangi oleh pembayaran balik pinjaman. Pinjaman kepada sektor perkilangan terus menyumbang bahagian terbesar (79.5%) daripada jumlah portfolio pinjaman MIDF. Antara aktiviti perkilangan yang mendapat manfaat daripada pinjaman MIDF adalah industri keluaran logam yang direka dan jentera (18.4% daripada jumlah pembiayaan sektor perkilangan), diikuti oleh industri keluaran kayu (15.6%), industri keluaran berasaskan besi dan keluli dan keluaran bukan ferus (9.8%), dan industri kelengkapan pengangkutan (8.5%). Dari segi peminjam, PKS kekal sebagai penerima utama pinjaman, dengan bahagiannya daripada jumlah pinjaman terkumpul terus meningkat kepada 66.4%, berbanding dengan 57.8% pada tahun 2004.

Sementara itu, sebagai sebuah institusi yang mengurus dana khas Kerajaan, jumlah dana terkumpul yang diurus oleh MIDF meningkat 12.1% kepada RM442 juta pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM394.1 juta). PKS ialah penerima utama pembiayaan daripada dana ini, yang termasuk Dana Pinjaman Mudah untuk PKS, Dana untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Dana Japan Bank for International Cooperation untuk Industri Kecil dan Sederhana.

Berasaskan klasifikasi 3 bulan, NPL bertambah baik dengan ketara pada tahun 2005. NPL kasar yang terdiri terutamanya daripada NPL sektor perkilangan, merosot kepada RM245.9 juta (2004: RM362 juta) dengan nisbah NPL kasar berkurang kepada 21.8% (2004: 31.7%). Pada asas bersih, nisbah NPL menurun kepada 9.3% (2004: 12.4%).

Dana pemegang saham dan peminjaman kekal sebagai sumber utama dana yang menyokong aktiviti MIDF. Walaupun dana pemegang saham merosot sedikit kepada RM1.4 bilion pada tahun 2005 kerana pembayaran dividen, ia kekal sebagai sumber dana terbesar yang mencakupi 48.7% daripada jumlah sumber MIDF. Peminjaman menyumbang RM1.2 bilion lagi atau 40.3% daripada jumlah sumber MIDF. Ini termasuk pinjaman daripada Kerajaan sebanyak RM561.6 juta untuk pemberian pinjaman yang menyokong pembangunan sosioekonomi dan dana berjumlah RM415 juta yang diperoleh daripada pasaran modal untuk kegunaan dalam aktiviti pemberian pinjaman korporat.

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) terus membantu dan memudahkan PKS untuk memperoleh akses kepada pembiayaan yang lebih baik melalui penyediaan jaminan dan khidmat nasihat sokongan. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, CGC melancarkan Skim Jaminan Laluan Terus Islam (DAGS-*i*) pada bulan Disember 2005, bertujuan memenuhi keperluan PKS yang menggunakan pembiayaan Islam bagi membiayai aktiviti mereka. Pada tahun 2005, jumlah jaminan terkumpul bertambah 11.8% kepada RM3.7 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM3.3 bilion), disebabkan terutamanya daripada pertumbuhan dalam skim-skim jaminan utama, iaitu Skim Jaminan Laluan Terus (DAGS), Skim Jaminan

Graf 7.9
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad: Jaminan mengikut Sektor pada 31 Disember 2005



Utama Baru dan Skim Jaminan Anjal. Pada tahun 2005, jumlah jaminan yang disediakan di bawah skim ini bertambah 23.8%, dan secara bersama, ia mencakupi 86.1% daripada jumlah jaminan terkumpul.

Pinjaman yang kurang daripada RM250,000 merupakan komponen pinjaman terbesar yang memperoleh manfaat daripada skim jaminan CGC, mencakupi 81% daripada bilangan pinjaman yang dijamin pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: 77.7%). Ini mencerminkan usaha berterusan dalam menyokong PKS bersaiz lebih kecil. Dari segi nilai yang dijamin, pinjaman bernilai antara RM500,000 hingga RM1 juta mencakupi 29.3% daripada jumlah jaminan terkumpul, diikuti pinjaman yang melebihi RM1 juta (25.7%), dan antara RM250,000 hingga RM500,000 (24.4%). Pada tahun 2005, pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS terbabit dalam sektor perniagaan am merupakan tiga suku daripada jumlah liputan jaminan CGC, manakala 23.7% daripada liputan jaminan, adalah untuk pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perkilangan. Pada tahun 2005, jumlah tuntutan yang dibayar oleh CGC kepada institusi perbankan bertambah sebanyak 19.1% kepada RM147.3 juta (2004: RM123.7 juta).

CGC terus bergantung pada dana pemegang saham (RM2.2 bilion) dan peminjaman daripada Kerajaan dan pemegang sahamnya (RM1.9 bilion), yang kedua-dua daripada sumber ini mencakupi 88.3% daripada jumlah dana bagi menyokong jaminan yang dikeluarkan dan aktiviti pinjaman. Selaras dengan tumpuan Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan PKS, Bank Negara Malaysia, sebagai pemegang saham terbesar CGC, merintis usaha untuk mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan CGC bagi membolehkan institusi ini menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada PKS.

Sehubungan dengan itu, skop aktiviti CGC telah diperluaskan bukan hanya bagi menyediakan kemudahan jaminan kredit, bahkan juga bagi menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan, termasuk pembiayaan ekuiti dan sokongan sampingan lain, seperti khidmat nasihat pembangunan perniagaan dan kewangan, serta perkhidmatan maklumat kredit. Bagi memenuhi peranannya yang semakin luas, Lembaga CGC diperluaskan dengan melantik ahli-ahli yang berpengalaman dalam bidang perniagaan dan kewangan, dan pada masa yang sama, langkah-langkah diambil untuk memperkukuh sumber CGC.

Lembaga Tabung Haji

Prestasi Lembaga Tabung Haji (LTH) kekal menggalakkan pada tahun 2005 berikutan aktiviti penggemblengan deposit dan pelaburan yang terus berkembang. Jumlah deposit yang digembleng oleh LTH meningkat 10.2% atau RM1.2 bilion kepada RM13.3 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM12.1 bilion). Ini mencerminkan, sebahagiannya, peningkatan jumlah pendeposit sebanyak 174,002 atau 3.6% kepada lima juta. LTH telah mengumumkan pembayaran bonus bagi tahun 2005 sebanyak 4.5% kepada pendeposit (2004: 4.3%).

Jumlah pelaburan meningkat 9.8% atau RM994 juta kepada RM11.1 bilion pada akhir 2005 (akhir tahun 2004: RM10.2 bilion) dan kekal sebagai komponen aset terbesar sebanyak 76.2% daripada jumlah aset. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang mapan sebanyak 25.2% dalam pelaburan saham, yang berjumlah RM6.8 bilion pada akhir tahun 2005. Pelaburan saham terus mencakupi bahagian terbesar daripada jumlah pelaburan, iaitu

Graf 7.10
Lembaga Tabung Haji: Pelaburan pada 31 Disember 2005



sebanyak 61% (2004: 53.5%). Komponen pelaburan utama yang lain ialah pelaburan dalam anak syarikat berbentuk pembiayaan dan penempatan deposit di institusi kewangan, setiap satunya mencakupi 14.4% daripada jumlah pelaburan pada tahun itu.

Sabah Development Bank Berhad

Aktiviti pemberian pinjaman Sabah Development Bank Berhad (SDB) meningkat lagi, dengan pinjaman terkumpul bertambah 13% kepada RM1.6 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM1.5 bilion) untuk mencakupi 73.9% daripada jumlah aset. Pertambahan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam pinjaman yang disalurkan kepada sektor pembinaan dan perkilangan. Dari segi komposisi, 36% daripada jumlah pinjaman terkumpul diberikan untuk pembiayaan harta tanah, sementara 10.4% dan 9.7% masing-masing disalurkan kepada sektor pembinaan dan perkilangan. Pada tahun 2005, jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan meningkat lagi masing-masing kepada RM606.9 juta dan RM496.5 juta (2004: masing-masing RM381.5 juta dan RM314.3 juta).

Walaupun NPL kasar meningkat kepada RM525.5 juta (2004: RM517.5 juta), nisbah NPL kasar menurun kepada 32.1% (2004: 35.7%), berikutan jumlah pinjaman yang lebih besar. Sebahagian besar NPL (72.3%) ialah pinjaman yang disalurkan kepada sektor perkilangan dan harta tanah. Nisbah NPL bersih ialah 3.2% (2004: 1.5%).

Peminjaman daripada institusi kewangan serta deposit daripada Kerajaan dan perusahaan perniagaan yang dikuasai Kerajaan kekal sebagai sumber dana utama untuk SDB. Sumber-sumber ini menyumbang RM1.2 bilion atau 53.4% daripada jumlah sumber (2004: RM1.1 bilion atau 56.2%).

Sabah Credit Corporation

Aktiviti pemberian pinjaman Sabah Credit Corporation (SCC) berkembang sebanyak 5% pada tahun 2005 (2004: 9.1%), dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada RM725.1 juta pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM690.3 juta) mencakupi 93.2% daripada jumlah aset. Pada tahun itu, jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan meningkat lagi masing-masing kepada RM235.8 juta dan RM235.4 juta (2004: masing-masing RM209.7 juta dan RM209.2 juta).

Pinjaman terkumpul untuk kredit penggunaan meningkat 15.3% pada tahun 2005 (2004: 28.3%), untuk mencakupi 51.7% daripada jumlah portfolio pinjaman SCC. Sebahagian besar daripada jumlah pinjaman itu diberikan sebagai pinjaman eksekutif/ pinjaman persendirian (76.6%), dan selebihnya untuk pembiayaan sewa beli. Sementara itu, pinjaman perumahan terkumpul yang mencakupi 37.6% daripada jumlah portfolio pinjaman kekal tidak berubah.

NPL kasar meningkat kepada RM116.8 juta dengan nisbah yang lebih tinggi, iaitu 16.1% pada tahun 2005 (2004: RM92.6 juta dan 13.4%), terutamanya disebabkan oleh pinjaman perumahan tidak berbayar. Pada asas bersih, nisbah NPL adalah pada 12.1% (2004: 5.2%). Pada tahun 2005, SCC terus mendapatkan dana untuk membiayai aktivitinya melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri (RM343.8 juta) dan institusi perbankan (RM265 juta). Pinjaman-pinjaman itu merupakan 78.2% daripada jumlah sumber dananya.

Graf 7.11
Sabah Development Bank Berhad:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2005



Graf 7.12
Sabah Credit Corporation:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2005



Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad

Pada tahun 2005, aktiviti pembangunan harta tanah Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah) masih lagi perlahan, seperti yang dicerminkan oleh kemerosotan perbelanjaan pembangunan harta tanah dan pembayaran bil berperingkat yang berjumlah RM15.9 juta pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM32.4 juta).

Sementara itu, pembiayaan untuk pembelian rumah yang dimajukan oleh BDC Sabah terus merosot, memandangkan pembayaran balik pinjaman perumahan terus mengimbangi aktiviti pemberian pinjaman baru. Pada tahun 2005, sejumlah besar daripada NPL yang terdiri daripada pinjaman kepada perusahaan perniagaan bagi pembelian harta tanah bukan kediaman telah dihapus kira. Berikutan itu, NPL kasar merosot dengan ketara kepada RM0.5 juta dan mencakupi 8.3% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM2.8 juta atau 31.6%). Dengan pembayaran balik pinjaman oleh peminjam individu dan penghapuskiraan pinjaman harta tanah komersial tidak berbayar, jumlah pinjaman terkumpul merosot kepada RM5.7 juta pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM9 juta).

Ekoran itu, jumlah aset BDC Sabah merosot 16.9% kepada RM96.1 juta pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM115.7 juta). Dari segi sumber dana, BDC Sabah terus bergantung kepada pinjaman daripada institusi kewangan berjumlah RM37.8 juta (2004: RM59 juta) atau 39.3% daripada jumlah sumber untuk menyokong aktivitinya.

Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad

Aktiviti pembangunan harta tanah dan pembinaan yang dijalankan oleh Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) terus berkembang pada tahun 2005. Jumlah stok dan kerja yang sedang berjalan mencatat peningkatan kukuh sebanyak 22.7% (2004: 20.1%) kepada RM80.9 juta pada akhir tahun 2005, mencakupi bahagian terbesar dalam jumlah aset (69.8%) BDC Sarawak.

Walau bagaimanapun, aktiviti pembiayaan BDC Sarawak telah mengalami trend menurun untuk sedekad yang lepas, kerana pembeli harta tanah beralih kepada pakej pembiayaan yang lebih kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Pada tahun 2005, pinjaman oleh BDC Sarawak terus menurun dengan pinjaman terkumpul berjumlah RM0.7 juta pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM0.9 juta), yang kebanyakannya terdiri daripada pinjaman yang diberikan kepada kakitangannya (96.7%) untuk pembelian harta kediaman. Sementara itu, jumlah pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat sekutu menurun 12.5% kepada RM5.9 juta atau 5.1% daripada jumlah aset.

Deposit yang diterima daripada pembeli rumah (RM61.4 juta) menjadi sumber dana utama BDC Sarawak pada tahun 2005, mencakupi 52.9% daripada jumlah sumber (2004: 36.9%). BDC Sarawak juga terus bergantung pada dana pemegang saham (RM37.2 juta) dan pinjaman daripada institusi kewangan (RM6.9 juta). Kedua-duanya merupakan 38.1% daripada jumlah sumber (2004: 51.8%) untuk membiayai operasinya.